




KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS
2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 41
(9 OKTOBER – 15 OKTOBER 2022)**

STATUS TERKINI PENGGUNAAN FASILITI KESIHATAN


Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa secara keseluruhan, **tiada perubahan jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke fasiliti kesihatan** (hospital dan PKRC awam) bagi setiap 100,000 penduduk pada minggu epidemiologi ke-41 tahun 2022 (ME41/2022) berbanding ME 40/2022 **(Rajah 1)**;



Rajah 1: Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke fasiliti kesihatan (hospital dan PKRC awam) bagi setiap 100,000 penduduk dari ME1/2022 sehingga ME41/2022

Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 populasi pada ME41/2022 berbanding ME40/2022 adalah seperti berikut (**Rajah 2**);


- Pesakit kategori 1 dan 2 tiada perubahan; manakala
- Pesakit kategori 3, 4, dan 5, meningkat sebanyak 16.7 peratus.



Rajah 2: Taburan jumlah kemasukan pesakit COVID-19 mengikut kategori ke hospital awam mengikut kategori bagi setiap 100,000 penduduk dari ME1/2022 hingga ME41/2022


Peratus pengisian katil fasiliti COVID-19 pada ME41/2022 berbanding ME 40/2022 (**Rajah 3**) adalah seperti berikut:

- **Katil bukan kritikal** kekal tiada perubahan;
- Katil Unit Rawatan Rapi (**ICU**) menurun sebanyak 2 peratus; dan
- Katil Pusat Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (**PKRC**), tiada yang aktif.



Rajah 3: Peratusan pengisian katil fasiliti COVID-19
dari ME 1/2022 hingga ME41/2022

Peratusan pesakit COVID-19 memerlukan **alat bantuan pernafasan** (ABP) menurun sebanyak **0.2 peratus** (Rajah 4) pada ME41/2022 berbanding ME40/2022.



Rajah 4: Peratus pesakit COVID-19 memerlukan alat bantuan pernafasan dari ME 1/2022 hingga ME 41/2022


PEMANTAUAN COVID-19 DI PUSAT PENILAIAN COVID-19 (CAC)

Untuk makluman, kes-kes positif COVID-19 yang dipantau oleh Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di seluruh negara telah menunjukkan penurunan.

Berikut adalah perbandingan data CAC fizikal yang dilaporkan pada ME 40/2022 dan ME 41/2022 (**Rajah 5**):

- Bilangan kedatangan pesakit ke CAC menurun sebanyak **7.1 peratus**;


- Bilangan kes COVID-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah meningkat sebanyak **0.25 peratus**; dan
- Bilangan kes COVID-19 yang dirujuk CAC ke PKRC juga meningkat sebanyak **39.2 peratus** daripada minggu sebelumnya.



Rajah 5: Trend kedatangan pesakit ke CAC fizikal, kes baharu COVID-19 menjalani pemantauan di rumah dan kes rujukan CAC ke PKRC atau hospital dari ME 22/2022 hingga ME 41/2022

Untuk trend kes aktif harian COVID-19 yang dipantau secara maya (CAC Maya), pada akhir ME 41/2022 ianya meningkat

21.2% berbanding pada akhir ME 40/2022 (dari 25,731 kes kepada 31,197 kes); seperti di **Rajah 6**:



Rajah 6: Trend kes aktif COVID-19 di bawah pemantauan CAC Maya berdasarkan keadaan klinikal pesakit dari ME 1/2022 hingga ME 41/2022


STATUS TERKINI KES COVID-19

Dari 25 Januari 2020 (ME 4/2020) hingga 15 Oktober 2022 (ME 41/2022), situasi terkini COVID-19 adalah seperti berikut:


- Kumulatif kes baharu: **4,865,480**;
- Kumulatif kes sembuh: **4,805,200 kes**;
- Kumulatif kes kematian: **36,415 kes**; dan
- Kumulatif kluster: **7,085 kluster (kluster aktif: 8 kluster)**.

Perbandingan antara ME 40/2022 dan ME 41/2022:


- **Bilangan kes sembuh** pada ME 41/2022 **menurun** sebanyak **13.2 peratus** (12,882 kes kepada 11,180 kes) **Rajah 7**;
- **Bilangan kes baharu** pada ME 41/2022 **meningkat** sebanyak **8.5 peratus** (11,018 kes kepada 11,957 kes) **Rajah 8**;
 - **Bilangan kes tempatan** meningkat sebanyak **8.5 peratus** (10,987 kes kepada 11,916 kes); dan
 - **Bilangan kes import** meningkat sebanyak **32.3 peratus** (31 kes kepada 41 kes).
- **Bilangan kes kematian** pada ME 41/2022 **menurun** sebanyak **29.2 peratus** (24 kes kepada 17 kes).
- **Purata kes aktif** setiap hari bagi ME 41/2022 adalah 22,725 iaitu terdapat **penurunan** sebanyak **3.0 peratus** berbanding minggu sebelumnya (**Rajah 9**).



Rajah 7: Taburan kes baharu, kes sembuh, dan kes kematian COVID-19 sehingga ME 41/2022




Rajah 8: Taburan kes baharu, kes tempatan, dan kes import COVID-19 sehingga ME 41/2022



Rajah 9: Purata 7 hari kes aktif harian COVID-19 dari ME1/2022 sehingga ME 41/2022

NILAI RT

Nilai R_T pada ME41/2022 adalah **0.99**, meningkat berbanding 0.95 pada ME40/2022, namun masih di bawah nilai 1.00 (**Rajah 10**).




Rajah 10: Purata Nilai R_T mingguan tahun 2022 sehingga ME 41/2022


SURVELAN INFLUENZA-LIKE ILLNESS (ILI) DAN SEVERE ACUTE RESPIRATORY INFECTION (SARI) BAGI COVID-19

KKM ingin memaklumkan bahawa sehingga ME41/2022, hasil surveilan COVID-19 di lokasi sentinel seluruh negara mendapati:

- Sebanyak 75 sampel ILI dikesan positif COVID-19 dengan kadar positif **11.1 peratus** pada ME41/2022 (**Rajah 11**); dan
- Sebanyak 4.65 peratus sampel SARI dikesan positif COVID-19 pada ME41/2022 (**Rajah 12**).



Rajah 11: Kadar positif sampel ILI bagi COVID-19 dari klinik kesihatan sentinel sehingga ME41/2022



Rajah 12: Kadar positif sampel SARI bagi COVID-19 dari hospital sentinel sehingga ME41/2022

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Sejak 1 April 2022, Malaysia telah berada dalam Fasa Peralihan ke Endemik susulan keberkesanan tindakan pencegahan dan kawalan kesihatan awam. Peralihan fasa ini juga disebabkan oleh kejayaan program vaksinasi COVID-19 di seluruh negara.

Walaupun demikian, KKM ingin menasihati orang ramai agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S;**
- **Amalkan 3W;**
- **Amalkan TRIIS;**
- Jalani ujian COVID-19 sekiranya **bergejala;**

- Individu **positif COVID-19 Kategori 1 dan 2A** dan bukan **berisiko tinggi** (berumur bawah 60 tahun dan tidak mempunyai komorbid), tidak perlu hadir ke **Pusat Penilaian COVID-19 (CAC)**, sebaliknya hanya perlu melakukan pemantauan sendiri melalui HAT dalam aplikasi MySejahtera. SMS atau panggilan daripada perkhidmatan *Automated Voice Recording (robocall)* akan diterima sekiranya belum atau tidak menjalankan pemantauan sendiri setiap hari;
- Individu yang perlu hadir ke CAC terdekat (senarai penuh lokasi, nombor telefon dan waktu operasi boleh didapati di <https://covid-19.moh.gov.my/hotline>) untuk penilaian lanjut akan dimaklumkan melalui MySejahtera atau dihubungi CAC melalui SMS atau panggilan telefon;
- Individu yang **positif COVID-19 Kategori 2A (yang berisiko tinggi)** dan ke atas atau mempunyai gejala yang semakin **teruk**, dikehendaki hadir ke CAC atau hospital terdekat bagi pemeriksaan lanjut tanpa menunggu panggilan telefon daripada CAC; dan
- Individu yang belum menerima dos penggalak vaksin COVID-19 dinasihatkan agar segera mendaftar dan mendapatkan vaksin bagi melindungi diri dan orang tersayang.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

17 Oktober 2022 @ 11.00 pagi